



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)**

*Deputy Secretary General (Management)*

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

*Ministry of Health Malaysia*

Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88832540  
Fax. : 03-88895303

Ruj. Kami : (28) KKM.UKK.100-1/7/1  
Tarikh : 9 Jun 2017

**Semua Setiausaha/ Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Semua Pengarah Institusi  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1998:  
GARIS PANDUAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH DI DALAM  
PERKHIDMATAN AWAM**

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998, telah ditetapkan Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan sebagai Ketua Jabatan/Bahagian adalah dimohon untuk memastikan sebarang urusan yang berkaitan mengambil kira pematuhan kepada perkara di atas yang jelas dinyatakan dalam garis panduan tersebut iaitu :

- i) Pegawai awam dilarang daripada menerima atau memberi hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas awamnya dan/atau bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi seperti yang termaktub dalam Perenggan 5, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 (PP Bil. 3/1998).
- ii) PP Bil. 3/1998 hendaklah dibaca bersekali dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A) 395/1993] memandangkan peraturan yang melarang pegawai awam memberi dan menerima hadiah adalah di bawah subperaturan 8.(1)(a) dan (b), P.U.(A)395/1993 tersebut.


- iii) Merujuk Perenggan 6, PP Bil. 3/1998 menyatakan bahawa dalam keadaan tertentu pegawai awam dibenarkan menerima pemberian hadiah, **tertakluk kelulusan Ketua Jabatan**. Perkara ini diperuntukkan di bawah subperaturan 8.(4)(a) dan (b), P.U.(A)395/1993.
- iv) Merujuk Perenggan 18, PP Bil. 3/1998 menyatakan bahawa Jabatan Kerajaan dibenarkan menerima hadiah daripada pihak swasta atau mana-mana pihak lain. Walaubagaimanapun, penerimaan hadiah itu mestilah memperolehi kebenaran seperti peruntukan 18 (a) dan 18 (b).

3. Bersama-sama ini disertakan PP Bil. 3/1998 untuk perhatian dan rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan jua. Perhatian dan kerjasama dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSSEN)**

b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

sk: Ketua Setiausaha  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

## **SENARAI EDARAN**

### **IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
2. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
3. Pengarah Kanan Keselamatan Dan Kualiti Makanan
4. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
5. Setiausaha Bahagian Pembangunan
6. Setiausaha Bahagian Kewangan
7. Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
8. Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
9. Pengarah Bahagian Perancangan
10. Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
11. Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
12. Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastan
13. Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi
14. Setiausaha Bahagian Akaun
15. Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan

16. Setiausaha Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
17. Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
18. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
19. Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
20. Pengarah Bahagian Pemakanan
21. Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
22. Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
23. Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan
24. Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
25. Pengarah Bahagian Kejururawatan
26. Pengarah Bahagian Kawalan Peralatan Perubatan
27. Pengarah Bahagian Kawalan Radiasi Perubatan
28. Pengarah Penasihat Undang-Undang
29. Pegawai Tugas-Tugas Khas (KPI&KK)
30. Ketua Komunikasi Korporat
31. Ketua Audit Dalam
32. Ketua Unit Integriti

## **JABATAN KESIHATAN NEGERI**

1. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
2. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan  
Putrajaya
3. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
4. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
6. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
7. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
8. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
9. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
10. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan
11. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
12. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
13. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

14. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
15. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

## **INSTITUSI**

1. Pengarah  
Institusi Penyelidikan Tingkah Laku Kebangsaan
2. Pengarah  
Pusat Penyelidikan Klinikal
3. Pengarah  
Institut Pengurusan Kesihatan
4. Pengarah  
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
5. Pengarah  
Institut Kesihatan Umum
6. Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur
7. Pengarah  
Pusat Darah Negara
8. Pengarah  
Institut Penyelidikan Perubatan
9. Pengarah  
Institut Kanser Negara